

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN
HAMZAH [JASIN]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (RABU)

SOALAN :

YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi ekonomi rakyat pada akhir tahun 2008, 2012 dan terkini dari segi kadar pengangguran, bilangan penganggur, gaji median bulanan, bilangan pekerja yang menerima gaji di bawah median bulanan, kadar inflasi, jumlah nilai hutang isi rumah dan nisbahnya GDP, bilangan orang / syarikat yang diisytiharkan bankrap, bilangan syarikat / anak / cawangan syarikat yang ditutup, jumlah pekerjaan yang hilang dan bilangan pekerjaan baru yang diwujudkan serta apakah prakarsa (inisiatif) terbaru untuk memperbaiki prestasi ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah berkembang secara purata pada kadar 7.5% setahun dari tahun 2008 sehingga 2015. Pada masa yang sama, negara masih mencatat guna tenaga yang penuh (*full employment*) di mana kadar pengangguran berada pada kadar 3.2% bagi tempoh 2008 hingga 2015. Bagi tempoh yang sama juga, kadar purata inflasi kekal rendah iaitu pada kadar 2.5%. Pada tahun ini, kadar inflasi dianggarkan berada dalam sekitar 2.0-3.0% berikutan dengan penurunan harga minyak mentah dan harga komoditi.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat, pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah telah meningkat hampir sekali ganda daripada RM2,841 pada tahun 2009 kepada RM4,585 pada tahun 2014. Prestasi ini jelas menggambarkan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil langkah yang bersesuaian dari masa ke masa untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat.

Kadar inflasi telah menurun daripada 5.4% pada tahun 2008 kepada 2.1% pada tahun 2015. Kadar pengangguran kekal pada 3.3% pada tahun 2015 (2008: 3.3%) walaupun terdapat peningkatan pada bilangan penganggur kepada 684,300 orang (2008: 368,500 orang) berikutan pertambahan penawaran dalam guna tenaga kerja.

Walau bagaimanapun, jumlah pekerja yang diberhentikan bagi tahun perbandingan yang sama telah menurun sebanyak 2.9% setahun secara purata daripada seramai 47,145 orang pada 2008 kepada 38,499 orang

sahaja pada 2015. Secara purata, bilangan kekosongan jawatan pada tahun 2015 telah meningkat sebanyak 7.0% berbanding pada tahun 2008. Manakala, gaji median telah meningkat secara purata sebanyak 7.1% pada tahun 2015 berbanding tahun 2008.

Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK pula direkodkan pada 89.1% berbanding 61.5% pada tahun 2008. Namun begitu, 49.0% daripada hutang isi rumah pada tahun 2015 adalah hutang atas pemilikan rumah yang merupakan aset tetap. Di samping itu, aset kewangan isi rumah (termasuk deposit, ekuiti, saham amanah, insuran dan sumbangan KWSP) merupakan dua kali ganda nilai hutang pada tahun 2015. Oleh itu, kedudukan kewangan isi rumah masih kukuh

Bagi tahun 2015, bilangan syarikat yang dibubarkan telah menurun sebanyak 17.8% setahun secara purata kepada 7,066 syarikat berbanding 27,893 pada tahun 2008. Manakala seramai 18,457 individu telah diisytiharkan bankrap pada tahun 2015 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 4.2% setahun (2008: 13,855 orang). Bagi tahun 2015 juga, rekod menunjukkan bahawa sebanyak 55% kebangkrapan adalah disebabkan hutang pinjaman peribadi, sewa beli kenderaan dan kad kredit.

Sekian, terima kasih.